

**NILAI TADBIR URUS DALAM MANUSKRIP KANUN SYARAK
KERAJAAN ACEH (1507M): KAJIAN FILOLOGI DAN ANALISIS
TEMATIK**

***THE VALUES OF GOVERNANCE IN THE KANUN SYARAK
KERAJAAN ACEH (1507 CE): A PHILOLOGICAL STUDY AND
THEMATIC ANALYSIS***

Anwar Muttaqin*

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Ruzita Khamis

Perpustakaan Tun Sri Lanang,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: anwar86@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 6 February 2026

Accepted : 5 March 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Muttaqin, A. & Khamis, R. (2026). Nilai Tadbir Urus Dalam Manuskrip Kanun Syarak Kerajaan Aceh (1507M): Kajian Filologi dan Analisis Tematik. *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 1-12.

ABSTRAK

Kajian ini meneliti nilai tadbir urus Islam yang terkandung dalam manuskrip *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* yang ditulis pada tahun 1507 Masihi oleh Syeikh Tengku Syeikh Haq Jansir Khatib al-Asyi. Manuskrip ini merupakan di antara rujukan penting dalam memahami struktur pemerintahan berasaskan syariah Islam dalam Kerajaan Aceh Darussalam. Warisan manuskrip Melayu khususnya yang berkaitan dengan sistem tadbir urus Islam tidak diberi perhatian sewajarnya dan berisiko untuk terus dilupakan, sedangkan kandungannya mengandungi prinsip pentadbiran yang relevan dan menyeluruh. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek-aspek utama tadbir urus kenegaraan dalam manuskrip tersebut berdasarkan pendekatan filologi dan analisis tematik. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan memberi tumpuan kepada analisis teks sumber primer. Kaedah filologi digunakan untuk melakukan transliterasi, perbandingan dan penyuntingan teks. Manakala pendekatan tematik digunakan untuk mengenal pasti

nilai-nilai tadbir urus yang digariskan dalam fasal ke 12 sahaja daripada keseluruhan fasa yang ada. Hasil kajian mendapati bahawa *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* menampilkan sistem pemerintahan yang teratur dan berpaksikan prinsip Islam termasuk syarat pelantikan pemimpin, etika pentadbiran serta peranan sultan dalam menjaga keadilan, agama dan kebajikan rakyat. Kajian ini menyumbang kepada pelestarian khazanah keilmuan Melayu-Islam serta memperkukuh pemahaman terhadap model tadbir urus berasaskan syariah yang boleh dijadikan asas rujukan dalam wacana pentadbiran Islam kontemporari.

Kata kunci: manuskrip, alam Melayu, tadbir urus, Aceh

ABSTRACT

This study examines the Islamic governance values contained in the Manuscript of Kanun Syarak Kerajaan Aceh, written in 1507 CE by Syeikh Tengku Syeikh Haq Jansir Khatib al-Asyi. The manuscript is among the key references for understanding the structure of governance based on Islamic law in the Sultanate of Aceh Darussalam. The heritage of Malay manuscripts, particularly those related to Islamic governance systems, has not received due scholarly attention and is at risk of being forgotten, despite containing relevant and comprehensive principles of administration. Therefore, this study aims to analyse the main aspects of state governance presented in the manuscript through a philological approach and thematic analysis. A qualitative methodology was employed, focusing on the analysis of primary textual sources. The philological method was applied for transliteration, comparison, and textual editing, while the thematic approach was used to identify governance values outlined specifically in the twelfth chapter of the manuscript. The findings reveal that the Kanun Syarak Kerajaan Aceh demonstrates an organised system of governance grounded in Islamic principles, including criteria for leadership appointment, administrative ethics, and the sultan's role in upholding justice, religion, and public welfare. This study contributes to the preservation of the Malay-Islamic intellectual heritage and strengthens understanding of the Shariah-based governance model, which may serve as a foundational reference in contemporary Islamic administrative discourse.

Keywords: manuscript, Malay world, governance, Aceh

1.0 PENGENALAN

Warisan alam Melayu dapat dijejaki sekurang-kurangnya sejak zaman batu ketika manusia mula membina tamadun. Adat resam yang diamalkan mempengaruhi gaya hidup dan aktiviti harian masyarakat termasuk kepercayaan, agama, pekerjaan, permainan serta amalan harian. Namun, budaya ini tidak berkembang sendirian kerana ia banyak dipengaruhi oleh unsur dan budaya luar. Bermula daripada cara hidup yang primitif, masyarakat Melayu kemudiannya menerima pengaruh Hindu-Buddha dan seterusnya selepas kedatangan Islam, kepercayaan mereka mula tertumpu kepada keimanan kepada Tuhan yang Satu. Selain itu, masyarakat juga

menggabungkan unsur dewa-dewi dalam penceritaan yang bertujuan menghibur. Amalan ini berkembang dari tradisi lisan ke bentuk penulisan. Golongan yang berilmu dan celik huruf pada era ini mula giat menghasilkan karya bertulis yang menggambarkan sifat seorang pemerintah sebagai perwira, pejuang dan tokoh berpengaruh. Aktiviti menulis bukan sahaja terhad kepada cerita, malah merangkumi ilmu agama, perundangan dan perubatan yang disebarikan melalui pelbagai media penulisan. Perdagangan dengan negara luar turut menyemarakkan aktiviti penulisan, terutama dengan kemasukan kertas yang dibawa oleh pedagang Arab dan China. Pedagang Arab selain berdagang juga aktif menyebarkan ilmu agama, sekali gus merancakkan tradisi penulisan ini. Namun, sekitar akhir abad ke-19M, tradisi menulis ini mula merosot dan akhirnya terhenti apabila alat percetakan diperkenalkan. Sejak itu, hasil tulisan tangan dianggap sebagai artifak budaya, kerana sukar untuk memperoleh salinan asli manuskrip. Istilah manuskrip diambil dari perkataan Inggeris, *manuscript* (Sham, 2003). Istilah ini dipadankan dengan kata 'Melayu' menjadi 'Manuskrip Melayu', merujuk kepada hasil karya tulisan tangan berhuruf Jawi menggunakan bahasa Melayu, yang dihasilkan antara abad ke-16M hingga ke-19M (Perpustakaan Negara Malaysia, 2002). Menurut sarjana tempatan, manuskrip Melayu telah wujud sejak abad ke-15M walaupun tarikh tepat penghasilannya masih belum dapat dipastikan dengan jelas.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian terhadap manuskrip Melayu memainkan peranan penting dalam memahami warisan keilmuan dan ketamadunan Islam di Alam Melayu. Manuskrip Melayu bukan sekadar dokumen lama yang bersifat warisan sejarah tetapi merupakan sumber utama yang memuatkan pelbagai aspek penting seperti sejarah pemikiran, agama, sistem undang-undang serta nilai budaya masyarakat silam di Nusantara. Pandangan ini disokong oleh Fathurahman (2015) dalam *Filologi Indonesia: Teori dan Aplikasi* yang menyatakan manuskrip merupakan cermin ketamadunan Islam di Nusantara yang penting dalam memulihara khazanah ilmu agama dan sosial. Ianya turut mengekalkan warisan intelektual yang dipengaruhi oleh syariah, tasawuf dan nilai-nilai tempatan.

Azra (2004) pula menekankan manuskrip klasik menjadi bukti penting dalam menelusuri jaringan ulama dan penyebaran Islam dari Timur Tengah ke alam Melayu. Beliau menunjukkan bahawa kandungan dalam manuskrip khususnya dari wilayah seperti Aceh mencerminkan hubungan erat antara ulama tempatan dengan pusat-pusat keilmuan Islam di Makkah dan Madinah. Selain itu, ia membuktikan kewujudan sistem pendidikan, perundangan dan pemerintahan Islam yang tersusun dalam kerajaan-kerajaan awal seperti Kesultanan Aceh Darussalam. Dalam konteks yang sama, kajian manuskrip sangat signifikan dalam mengenal pasti struktur birokrasi, sistem perundangan Islam serta peranan institusi keagamaan dalam kerajaan-kerajaan Islam awal seperti Aceh dan Melaka. Penekanan terhadap aspek material, skrip dan salinan manuskrip juga memberi gambaran berkaitan jaringan transmisi ilmu serta tahap kemajuan pentadbiran dan keilmuan di rantau ini.

Melalui kajian manuskrip berkaitan kerajaan Aceh ini jelas menunjukkan tadbir urus yang dijalankan bukan sahaja berasaskan prinsip Islam tetapi juga sistematik dan tersusun melibatkan pembahagian kuasa, perundangan yang jelas

serta tata kelola yang efisien (Azra, 2004). Tadbir urus ini penting kerana ia memastikan kestabilan politik, keadilan sosial serta kelestarian ekonomi dalam kerajaan Aceh. Sistem ini turut mencerminkan pengharmonian antara adat tempatan dengan hukum Islam yang menjadikan Aceh sebagai pusat pentadbiran dan keagamaan yang maju pada zamannya (Fathurahman, 2015). Pengurusan yang berkesan yang didokumenkan dalam manuskrip seperti *Kanun Syarak* menunjukkan betapa pentingnya tadbir urus yang berintegriti dan berlandaskan prinsip keadilan untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan kemakmuran kerajaan.

Namun begitu, apabila manuskrip-manuskrip ini tidak difahami dengan baik atau diabaikan, beberapa masalah utama akan timbul. Antaranya ialah kehilangan maklumat penting yang membawa kepada kesilapan tafsiran sejarah dan budaya, serta pemutusan kesinambungan warisan intelektual dan agama yang selama ini diwarisi secara turun-temurun (Fathurahman, 2015). Kekurangan kepakaran dalam membaca dan menganalisis manuskrip menyebabkan sesetengah teks menjadi samar atau tersalah tafsir, yang akhirnya boleh membawa kepada kesalahan dalam pemahaman sistem hukum, adat, dan nilai masyarakat dahulu (Azra, 2004). Selain itu, risiko kemusnahan fizikal manuskrip akibat kurangnya usaha pemeliharaan dan dokumentasi yang tepat semakin meningkat sekali gus mengancam warisan budaya dan ilmu yang sangat berharga ini. Hal ini menyukarkan generasi kini dan akan datang untuk memperoleh pemahaman yang utuh berkait tamadun dan sejarah Islam di Nusantara. Oleh yang demikian, pendekatan terhadap kajian manuskrip bukan sahaja melibatkan penyuntingan teks secara filologi, tetapi juga penilaian mendalam terhadap nilai budaya, sejarah dan agama yang terkandung dalamnya seterusnya menyumbang kepada pemahaman lebih luas tentang tamadun Islam di Nusantara serta menjaga kesinambungan ilmu yang diwarisi.

3.0 METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada analisis teks dokumen yang bersumberkan bahan primer. Kajian dijalankan melalui kaedah kajian filologi yang merangkumi beberapa tahap kritikal. Pertama, proses transliterasi dilakukan dengan menukar tulisan Jawi kepada Rumi bagi memudahkan pemahaman pembaca moden dan memelihara kesahihan teks asal. Seterusnya, perbandingan teks dijalankan untuk mengenal pasti variasi, kesilapan atau perubahan yang mungkin berlaku dalam salinan manuskrip berbeza. Proses penyuntingan teks melibatkan pembetulan ejaan, penambahan tanda baca dan penyesuaian struktur bahasa tanpa mengubah maksud asal dengan tujuan menghasilkan teks yang jelas dan konsisten.

Selain itu, kajian ini juga mengintegrasikan pengenalan teks yang meliputi latar belakang penulis, konteks geografi dan zaman penulisan bagi memberikan gambaran menyeluruh terhadap dokumen tersebut. Keseluruhan prosedur ini bertujuan untuk menghasilkan versi teks yang telah disemak dengan teliti dan dapat diakses serta difahami oleh pembaca kontemporari. Seterusnya, kajian tematik dijalankan dengan tujuan menganalisis kandungan serta makna yang terkandung dalam manuskrip, khususnya yang berkaitan dengan aspek tadbir urus kenegaraan. Pendekatan ini membolehkan peneliti mengenal pasti tema-tema utama dan subtema

4.1 Sinopsis

Risalah ini disalin semula oleh Syeikh Abdullah bin Ahmad Jamullail pada tahun 1270M bersamaan 1853m di Aceh bandar darussalam dan kanun syarak kerajaan Aceh ini diwujudkan oleh Sultan Alauddin Ibrahim Ali Mughayat Shah pada tahun 913H bersamaan 1507M sebagai panduan dan perlembagaan bagi rakyat Aceh dan sistem berkerajaan negara Aceh ketika itu. Dalam manuskrip ini dinyatakan hukum-hukum taklifi dan wada'i dalam syariat islam. Kanun ini juga menjelaskan syarat-syarat yang perlu ada pada seseorang individu yang ingin menjawat jabatan dalam hierarki kerajaan Aceh misalnya sektor pertahanan, sektor pertanian dan sektor kewangan. Hierarki tertinggi kerajaan Aceh adalah Raja, Mangkubumi, Perdana Menteri, Syeikhul Islam dan diikuti dengan jawatan-jawatan lain yang mana setiap jawatan mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam kanun syarak kerajaan Aceh Sultan Alauddin Ibrahim Ali Mughayat Shah ini.

Kanun ini juga mempunyai keistimewaan tersendiri kerana ciri-ciri islamiknya terserlah pada halaman pertama di mana ia dimulai dengan basmallah, kemudian diikuti dengan isti'azah dan seterusnya puji-pujian kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW serta puji-pujian bagi ahulul bait dan juga sahabat-sahabat RA. Manuskrip ini ditulis oleh Tengku Syeikhul Jansir Khatib Al-Asyi yang mana sanad beliau bersambung hingga ke tokoh-tokoh sufi yang terkemuka seperti Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani, Abul Yazid Al-Bustomi, Syeikh Ahmad Ar-Rifae' dan lain-lain. Secara umumnya, manuskrip ini menjelaskan syarat-syarat yang perlu ada pada diri seorang pemimpin dan ia juga turut menjelaskan perkara-perkara yang harus di jauhi oleh para pemimpin contohnya rasuah, merampas hak dan banyak lagi. Keunikan kanun ini lebih terserlah apabila ia turut menjelaskan syarat-syarat bagi sekecil-kecil jawatan kepada individu yang ingin menjawat jawatan itu. ini membuktikan jawatan adalah satu amanah yang berat dan bukanlah perkara yang boleh dibuat main sehinggakan ia dijelaskan dengan sangat terperinci dalam kanun ini.

4.2 Huraian Manuskrip

Manuskrip ini dinamakan sebagai *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* Sultan 'Alauddin dan merupakan salinan asal yang ditulis oleh Tengku Syeikh Haq Jansir Khatib al-Asyi. Ditulis pada tahun 913H bersamaan 1507M. Kemudian ia diperkemas oleh al-Sayyid Abdullah ibn Ahmad Jamalullail bertempat di Garwah Ketapang Aceh Bandar Darul Salam pada tahun 1270H bersamaan 1854M dengan titah arahan Tengku Ibrahim al-Mulaqqab Paduka Seri Sultan 'Alauddin Mansur billah Shah ibn Sultan 'Alauddin Husain Jauhar 'Alam billah Shah yang merupakan pemerintah Kerajaan Aceh ketika itu. Pengkaji mendapati terdapat sedikit kekeliruan sekiranya tidak dijelaskan maka akan merubah fakta. Manuskrip ini telah ditulis oleh seorang yang bernama Tengku Syeikh Haq Jansir Khatib al-Asyi pada 913H bersamaan 1507M, manakala orang yang memperkemas manuskrip ini bernama al-Sayyid Abdullah ibn Ahmad Jamalullail pada tahun 1270H bersamaan 1853M. Perbezaan di antara kedua penulis ini adalah sekitar 347 tahun dan sultan yang memerintah juga adalah berbeza walaupun nama sultan adalah 'Alauddin. Masalah ini diselesaikan dengan pembuktian 2 baris terakhir manuskrip ini dimana Tengku Syeikh Haq dan

al-Sayyid Abdullah menyenaraikan nasab Sultan 'Alauddin Mansur billah Shah yang sampai kepada nenek moyangnya yang bernama Sultan 'Alauddin juga.

4.3 Kod Undang-Undang Kerajaan Aceh Dar Al-Salam

- Manuskrip ini terdiri daripada 15 bab yang menjelaskan tentang kepentingan memilih pemimpin, syarat-syarat yang wajib ada pada seseorang yang ingin menjadi pemimpin, hukuman bagi pemimpin yang tidak amanah, tatacara dan tatasusila kelakuan dan pelbagai lagi.
- Hukum *Kanun Syarak* ini dibina berdasarkan sumber tertinggi agama Islam iaitu al-Qur'an, al-Hadith, ijma' alim ulama dan penggunaan qias dalam berhukum yang telah disepakati para ulama muktabar.
- Ia merangkumi aspek hukum yang tafsili dan ijmal seperti hukum wadh'i, hukum adat, hukum uruf, hukum nafsi.
- Di dalam manuskrip ini, turut dinyatakan pengkelasan taraf pimpinan dan disertai syarat- syaratnya dalam fasal tersendiri seperti yang tersebut:
 1. Syarat-syarat menjadi Geuchik
 2. Syarat-syarat menjadi Imam Mukim
 3. Syarat-syarat menjadi Hulubalang
 4. Syarat-syarat menjadi Qadi Malik al-Adil
 5. Syarat-syarat menjadi Syeikhul Islam
 6. Syarat-syarat menjadi Hakim
 7. Syarat-syarat menjadi Sifael:
 - a. Etika Pakaian Sifael Darat
 - b. Etika Pakaian Sifael Laut
 8. Syarat-syarat menjadi Keurukon Katib al-Muluk
 9. Syarat-syarat menjadi Qadi Muazzam
 10. Syarat-syarat menjadi Laksamana
 11. Syarat-syarat menjadi Menteri Kerajaan Aceh
 12. Syarat-syarat memilih Sultan baharu

4.4 Kupasan Fasal Bab 12

Bab ini menjelaskan tatacara pemilihan sultan dan pengganti sultan ketika ketiadaan Sultan disebabkan kemangkatan Sultan mestilah mengikut *Kanun Syarak Kerajaan Aceh*. Jika Sultan mangkat, maka Qadi Malik al-'Adil dilantik menjadi pengganti Sultan seperti yang termaktub dalam kanun negeri Aceh. Namun Qadi Malik al-'Adil hanya menjadi wakil sultan kerana Qadi Malik al-'Adil adalah jaksa agung (peguam negara) yang berpegang teguh kepada syariat Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Oleh yang demikian, perlu kepada pemilihan sultan yang baharu berdasarkan syarat menjadikan seseorang itu sultan adalah:

- Agama Islam.
- Berketurunan baik.
- Berakal dan baligh.
- Warganegara Aceh.
- Berani.

- Alim.
- Pandai,cerdik dan bijaksana.
- Adil.
- Pengasih dan lembut hati.
- Mengetahui lughah.
- Tepati janji.
- Tidak safih.
- Baik anggota.
- Sempurna pancaindera.
- Benar berbicara.
- Kasih sayang.
- Penyabar.
- Dapat menahan amarah.
- Pemaaf.
- Memelihara hawa nafsu jahat.
- Teguh dan selalu bertawakkal kepada Allah SWT.
- Selalu bersyukur kepada Allah SWT.

Kemudian, digunakan kalimah Syahdan untuk memisahkan perenggan sebagai kata penguat kepada sultan agar melakukan 10 perkara tersebut, iaitu:

- Meninggikan agama Allah SWT, iaitu agama Islam syariat Nabi Muhammad SAW.
- Beramal dengan amalan yang baik yang memberi manfaat pada dirinya,negeri dan rakyat secara keseluruhan dunia dan akhirat.
- Memakmurkan negeri,kampung,dusun dan bandar dengan menggalakkan perdagangan luar negeri (eksport).
- Memerhati dan selalu waspada terhadap seluruh pegawai-pegawai kerajaan baik yang berpangkat besar mahupun kecil.
- Memeriksa apa yang ditangguhkan dalam jual beli, jika terlambat membayarnya iaitu gabenor, nazir, syahbandar dan semua saudagar agar terhindar daripada bersangkut hutang piutang perdagangan luar negeri Aceh.
- Sultan yang duduk di singgahsana memerhati dan mengamati semua perkara yang membawa kepada dakwa-dakwi dan perbalahan sesama mereka, mendamaikan di antara mereka yang berdakwa-dakwi sesuai menurut hukum Allah SWT, syariat Nabi Muhammad SAW dan hukum *Kanun Syarak Kerajaan Aceh*.
- Mengira dan menghitung harta wakaf dan mengeluarkan terhadap yang perlu dikeluarkan. Zakat fitrah adalah hak orang fakir miskin.
- Berani menghukum siapa yang bersalah iaitu yang menyalahi ajaran Allah dan Rasul-Nya
- Memberhentikan dan memecat sesiapa yang bersalah dari jabatannya dan memilih yang lain sebagai ganti.
- Meluluskan atau memaafkan pegawai yang tidak mampu dikerjakan oleh pegawai-pegawai kerajaan.

Sekiranya 10 perkara ini dilakukan oleh sultan-sultan, maka mereka adalah raja yang adil, berada di bawah panji Nabi Muhammad SAW dan mendapat syafaat Baginda di Hari Kiamat kelak. Kemudian dicatatkan bahawa tidak boleh dipusakai warisan takhta sultan sesuai dengan pendapat mazhab Ahli Sunnah wal Jama'ah. Ini berpandukan kepada dalil al-Qur'an dan al-Hadith serta Imam al-Ghazali menyebut: "Apabila didapati terdapat dua orang yang layak memerintah Aceh, maka yang layak dan sah memerintah adalah yang paling banyak mendapat sokongan daripada rakyat". Kemudian, dibuat bentuk soalan kenapa Sultan 'Alauddin digunapakai Sultan Aceh? Jawapannya adalah:

- Raja Aceh beragama Islam.
- Mentadbir dan memerintah negeri sesuai dengan tuntutan Islam.
- Kerajaan Aceh bernaung di bawah agama Islam yang mulia.
- Raja Aceh mentadbir negara mengikut hukum syarak Allah dan syariat Nabi Muhammad SAW yang terdiri daripada:
 1. Hukum syarak Islam.
 2. Adat syarak Islam.
 3. Resam syarak Islam.
 4. Kanun syarak Islam.
- Keempat fakta di atas dihipunkan menjadi tiga fakta syarak, iaitu:
 1. Syarak Allah SWT.
 2. Syarak Rasul SAW.
 3. Syarak Kerajaan Aceh Sultan 'Alauddin.

Fasal-fasal yang dinyatakan dalam *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* secara jelas memperlihatkan prinsip *al-hukm al-rashid* (tadbir urus Islam yang baik) yang berteraskan keadilan, ketelusan, kelayakan kepimpinan, dan tanggungjawab terhadap rakyat serta agama. Ciri-ciri pemimpin yang digariskan bukan sahaja menekankan aspek luaran seperti keberanian dan kebijaksanaan tetapi juga sifat dalaman seperti kesabaran, keadilan dan ketakwaan selaras dengan konsep *al-imamah* dalam politik Islam (al-Mawardi, 1983).

Pelantikan Qadi Malik al-'Adil sebagai pemangku kuasa mencerminkan pemisahan kuasa yang bersandarkan syariat. Ini menunjukkan wibawa undang-undang Islam dalam menstabilkan institusi pemerintahan. Selain itu, tanggungjawab sultan dalam memelihara agama, menegakkan keadilan, mengurus ekonomi, menjaga amanah harta awam seperti zakat dan wakaf, serta memastikan integriti pentadbiran adalah manifestasi prinsip *maslahah 'ammah* (kepentingan umum) dan *hisbah* (pengawasan sosial). Penggunaan kalimah 'syahdan' sebagai penguat juga mengandungi unsur kesedaran moral dan Ilahiah terhadap amanah kekuasaan. Secara kritisnya, Kanun ini bukan sekadar warisan sejarah tetapi menjadi cerminan sistem tadbir urus Islam yang menyeluruh dan relevan untuk dijadikan model pentadbiran kontemporari (al-Mawardi, 1983).

5.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis terhadap manuskrip *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* tahun 1507M memperlihatkan bahawa nilai tadbir urus Islam yang digariskan dalam teks ini tidak hanya mencerminkan kerangka hukum semata-mata, tetapi juga menzahirkan

pandangan dunia Islam yang menyeluruh terhadap aspek kepemimpinan dan pentadbiran negara. Prinsip *al-'adl* (keadilan), *al-amānah* (amanah) dan *mas'uliyah ijtimā'iyah* (tanggungjawab sosial) menjadi teras kepada pelaksanaan kuasa politik dalam konteks pemerintahan Aceh. Hal ini sejajar dengan gagasan *al-hukm al-rashid* sebagaimana diuraikan oleh al-Mawardi yang menekankan kepemimpinan Islam berfungsi sebagai penjaga agama dan pelindung rakyat (Ruzali et al., 2025).

Kandungan fasal ke-12 yang menumpukan pada tatacara pemilihan sultan menunjukkan kefahaman yang mendalam tentang konsep legitimasi kuasa dalam Islam. Syarat-syarat pelantikan sultan seperti keadilan, ilmu, keberanian, kesabaran dan kebijaksanaan bukan hanya bersifat moral, bahkan menjadi prasyarat politik yang menjamin kestabilan pemerintahan. Keutamaan diberikan kepada integriti dan keilmuan berbanding keturunan atau kekayaan, yang memperlihatkan unsur meritokrasi awal dalam sistem politik Islam Nusantara. Selain itu, pemisahan kuasa melalui pelantikan Qadi Malik al-'Adil sebagai pemangku takhta sementara memperlihatkan kesedaran terhadap prinsip *check and balance* (semak dan imbang) dalam pentadbiran negara (Muttaqin & Norazman, 2025).

Dari sudut nilai tadbir urus, *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* turut menggariskan peranan sultan dalam memelihara *maslahah 'ammah* (kepentingan awam), termasuk aspek ekonomi, kebajikan dan keharmonian sosial. Penekanan terhadap pengawasan terhadap pegawai, pengurusan harta wakaf dan zakat serta tanggungjawab terhadap rakyat menunjukkan bahawa konsep akauntabiliti dan ketelusan telah wujud dalam sistem pemerintahan Aceh abad ke-16M. Teks ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa prinsip-prinsip tadbir urus moden seperti integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban telah berakar dalam tradisi Islam Melayu (Muttaqin, 2024). Selain aspek normatif, manuskrip ini juga membawa dimensi epistemologi yang penting, iaitu hubungan antara ilmu dan kuasa. Pemimpin bukan sahaja diukur pada kemampuan politik tetapi juga keilmuan agama dan kefahaman terhadap syariat. Ini menunjukkan integrasi antara *'ilm* (ilmu) dan *'amal* (amalan), sekali gus menolak konsep sekularisasi kuasa. Dalam konteks Aceh, manuskrip ini menjadi bukti bahawa struktur pentadbiran kerajaan Islam tidak terpisah daripada asas moral dan spiritual. Oleh yang demikian, nilai tadbir urus yang dirumuskan dalam teks ini boleh dianggap sebagai model etika tadbir urus Islam yang berpaksikan tauhid dan *rahmatan li al-'alamin* (kesejahteraan sejagat).

Secara keseluruhannya, analisis terhadap teks ini mengesahkan bahawa *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* bukan hanya sumber undang-undang sejarah tetapi juga dokumen pemikiran politik Islam yang matang. Ia memperlihatkan keupayaan masyarakat Aceh abad ke-16M menginstitusikan nilai-nilai Islam dalam sistem pemerintahan yang berfungsi, berstruktur dan bersifat progresif. Nilai-nilai ini berpotensi diadaptasi dalam konteks tadbir urus semasa, terutama dalam memperkukuh konsep tadbir urus baik yang menekankan keadilan, integriti dan kesejahteraan sejagat (Muttaqin, 2025).

6.0 KESIMPULAN

Kajian terhadap manuskrip *Kanun Syarak Kerajaan Aceh* secara jelas membuktikan tradisi pemerintahan kerajaan Aceh pada abad ke-16M telah mengamalkan prinsip tadbir urus berasaskan syariah Islam secara menyeluruh dan tersusun. Manuskrip ini

bukan sahaja menjadi bukti wujudnya sistem perlembagaan yang lengkap dalam kerajaan Islam awal di Nusantara tetapi turut memperincikan syarat-syarat kepimpinan, struktur hierarki pentadbiran, tanggungjawab pemerintah dan etika perkhidmatan awam yang berpaksikan ajaran al-Qur'an dan Sunnah. Melalui pendekatan filologi dan analisis tematik, kajian ini mendedahkan nilai-nilai seperti keadilan, integriti, amanah dan tanggungjawab sosial sebagai teras utama dalam sistem pemerintahan Aceh.

Keunikan manuskrip ini terserlah apabila ia tidak hanya mengatur hukum-hukum tetapi turut mengangkat dimensi rohani dan moral dalam menentukan kelayakan seseorang pemimpin, selaras dengan gagasan *al-imamah* dalam politik Islam klasik. Ini menandakan bahawa kepimpinan dalam kerajaan Aceh bukan semata-mata berpaksikan kekuasaan, tetapi turut ditimbang melalui keperibadian dan keilmuan yang tinggi. Peranan Qadi Malik al-'Adil sebagai pemangku kuasa sementara ketika kekosongan takhta turut menggambarkan prinsip pengasingan kuasa dan pemeliharaan kelangsungan pemerintahan berlandaskan syarak.

Justeru, penemuan dan analisis terhadap manuskrip ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan warisan keilmuan Melayu-Islam malah memberikan asas kukuh kepada wacana kontemporari mengenai tadbir urus berintegriti dan berpaksikan nilai Islam. Manuskrip ini wajar dijadikan rujukan penting dalam pembangunan sistem pentadbiran negara Islam moden yang holistik, adil, dan lestari. Penyelidikan lanjutan dan digitalisasi manuskrip seperti ini sangat penting agar warisan intelektual umat Islam terus terpelihara dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan 'Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam' menerusi Geran Universiti Penyelidikan GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Insentif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Muttaqin, A. & Khamis, R. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- al-Mawardi, Alī ibn Muḥammad Māwardī (1983). *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. al-Qahirah: Dar al-Shabab li al-Tiba‘ah.
- Azra, A. (2004). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad ke-17 dan ke-18: Melacak Akar-akar Pembaruan Islam di Indonesia*. Jakarta: Kencana.
- Fathurahman, O. (2015). *Filologi Indonesia: Teori dan Metode*. Debok: Prenadamedia Group.
- Muttaqin, A. & Norazman, N. S. A. (2025). Model tadbir urus Baitul Hikmah: Inspirasi pembentukan institusi keilmuan dalam kerangka Malaysia Madani. *JURNAL YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 5(2), 1-17.
- Muttaqin, A. (2024). *Sejarah penubuhan dan punca kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. Dlm. *Roziah Sidik @ Mat Sidek, Anwar Mutaqqin & Ammalina Dalillah Mohd Isa (pnyt.)*. *Adicita Inteligencia Sejarah dan Tamadun Islam*, hlm. 121-138. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muttaqin, A. (2025). *Model tadbir urus Islam era Rasulullah: Pemangkin Malaysia Madani*. Dlm. *Norshariani Abd Rahman, Zaid Ahmad & Izham Hakimi Redzan (pnyt.)*. *Pemugaran Sains Peradaban dalam Kerangka Madani*, hlm. 49-62. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2002). *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara. Universiti Pendidikan
- Ruzali, N., Muttaqin, A., Rozali, E. A., Jamsari, E. A., Ahmad, M. Y., Ashari, M. Z. A. H., Safiai, M. H., Zainuddin, G. & Nasir, B. M. (2025). The Abbasid rule in Baghdad and the Islamic governance concept according to al-Mawardi: A literature review. *International Journal of Advanced Research*, 13(6), 1119-1126.
- Sham, A. H. (2003). *Melestarikan Manuskrip Melayu: Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Unit Arkib. (2014). *Manuskrip Kanun Syarak Kerajaan Aceh*. Bangi: Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.